

Pengeluaran getah asli merosot

Pengeluaran getah asli Malaysia susut 11.8 peratus kepada 28,048 tan pada November 2022 daripada 31,795 tan yang direkodkan bagi Oktober 2022, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam kenyataan mengenai Perangkaan Getah Bulanan Malaysia, November 2022, DOSM menjelaskan perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan penurunan lapan peratus daripada 30,493 tan yang dicatatkan pada November 2021.

Perangkaan itu memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji dan upah serta produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pengeluaran getah asli bagi November 2022 disumbangkan terutama oleh sektor pekebun kecil sebanyak 87.2 peratus manakala sektor estet pula sebanyak 12.8 peratus.

"Jumlah stok getah asli pada November 2022 turun 1.4 peratus kepada 195,353 tan daripada 198,181 tan pada Oktober 2022. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 90.4 peratus diikuti kilang pengguna getah sebanyak 9.5 peratus dan estet getah pada 0.1 peratus," katanya.

Menurut DOSM, eksport getah asli Malaysia meningkat 23.0 peratus kepada 51,104 tan pada November 2022 daripada 41,548 tan pada Oktober 2022.

China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli dengan jumlah 54.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2022 diikuti Amerika Syarikat (3.6 peratus), Jerman (2.8 per-



Stok getah asli pada November 2022 turun 1.4 peratus.

(Foto hiasan)

tus), Turkiye (2.2 peratus) dan Brazil (1.8 peratus), tambah jabatan itu.

Mohd Uzir berkata, prestasi eksport disumbangkan oleh produk berdasarkan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom.

"Produk sarung tangan getah adalah eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.1 billion pada November 2022, turun lima peratus dari pada RM1.13 billion yang dicatatkan bagi Oktober 2022," katanya.

DOSM memaklumkan, analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan lateks pekat merekodkan peningkatan iaitu 1.3 peratus kepada 472.58 sen sekilogram bagi November 2022 daripada 466.42 sen sekilogram bagi Oktober 2022.

Harga sekirap pula susut 5.9 peratus kepada 443.36 sen sekilogram bagi November 2022 daripada 471.29 sen sekilogram yang dicatatkan Oktober 2022.

DOSM menambah, harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula adalah dalam keadaan

bercampur-campur iaitu turun 3.8 peratus serta meningkat 1.3 peratus.

Data Harga Komoditi Bank Dunia melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing susut 1.4 peratus (daripada AS\$1.29 sekilogram kepada AS\$1.27 sekilogram) serta kurang 4.3 peratus (daripada AS\$1.50 sekilogram kepada AS\$1.43 sekilogram).

Menurut DOSM berdasarkan laporan analisis arah aliran pasaran getah asli yang diterbitkan oleh Konsortium Getah Antarabangsa (IRCo) pada 14 Disember 2022 menyatakan pengeluaran mungkin tidak meningkat 'pada skala besar' dalam beberapa bulan akan datang di tiga negara pengeluar utama Thailand, Indonesia dan Malaysia.

"Ini disebabkan terutama oleh penyebaran penyakit daun, keadaan cuaca yang tidak menentu, peningkatan suhu iklim serta input baja yang rendah disebabkan oleh kos yang tinggi," tambahnya.